

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (54)
Tarikh : 22 September 2014

**Ketua Pengarang
Kosmo**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR KOSMO BERTAJUK "REMAJA DERITA KANSER
HIDUNG, TIADA KAD PENGENALAN, MOHD HAFIZI PERLU BANTUAN" BERTARIKH
12 SEPTEMBER 2014, JUMAAT – M.S: 17 (NEGARA)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Salma Abdullah berkenaan anak beliau Mohd Hafizi Shakri yang tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

3. Adalah dimaklumkan, Mohd Hafizi Shakri tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri adalah disebabkan kelahiran beliau di Thailand tidak didaftarkan ke kedutaan Malaysia bagi membolehkan pengesahan taraf kewarganegaraan ditentukan. Turut dimaklumkan, permohonan pengesahan taraf kewarganegaraan Malaysia yang dikemukakan oleh bapa saudara beliau telah dikuiiri kerana tidak mengemukakan dokumen yang lengkap.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama bapa saudara Mohd Hafizi Shakri untuk segera hadir ke JPN yang berdekatan dengan mengemukakan sijil kelahiran yang diperlukan bagi meneruskan proses permohonan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)